

# Petisyen rayuan: Najib diberi masa 30 hari lagi

UM - 26/9/2020

mjd: 12

**PUTRAJAYA:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berjaya mendapatkan lanjutan masa memfailkan petisyen rayuan berhubung sabitan dan hukuman berkaitan penyelewengan dana syarikat SRC International Berhad berjumlah RM42 juta.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Hakim Datuk Has Zanah Mehat yang bersidang bersama Datuk Lee Swee Seng dan Datuk Nordin Hassan membenarkan permohonan berkenaan selepas mendengar hujah peguam Muhammad Farhan Muhammad Shafee mewakili Najib dan tiada bantahan daripada pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ashrof Adrin Kamarul.

Lanjutan masa diberikan 30 hari bermula 18 September sehingga 18 Oktober ini.


Rayuan terbabit ditetapkan untuk pengurusan kes pada 2 Oktober ini.

Pada 28 Julai lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mendapati Najib bersalah atas tujuh tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram penyelewengan dana SRC RM42 juta dan memerintahkan bekas Perdana Menteri itu dipenjarakan 12 tahun dan didenda RM210 juta.

Dua hari kemudian, Ahli Parlimen Pekan itu memfailkan notis rayuan berhubung sabitan dan hukuman terbabit.

Mengikut prosedur, pihak yang merayu perlu memfailkan rayuan dalam tempoh 10 hari selepas menerima rekod rayuan.

Terdahulu ketika berhujah, Muhammad Farhan berkata,



**NAJIB RAZAK**

pihaknya memohon lanjutan masa berikutan rekod rayuan membabitkan dokumen yang banyak iaitu 112 jilid manakala alasan penghakiman merangkumi 801 muka surat.

“Oleh itu, demi kepentingan keadilan kami memohon masa yang mencukupi untuk menyediakan dan memfailkan petisyen rayuan,” katanya.

Sementara itu, difahamkan pihak pendakwaan belum memfailkan petisyen rayuan bagi menambah jumlah hukuman penjara dan denda Najib.

Tarikh akhir untuk pendakwaan berbuat demikian telah berakhir.

Pihak pendakwaan memfailkan notis rayuan untuk menambah tempoh hukuman penjara 12 tahun dan jumlah denda RM210 juta dikenakan terhadap Najib pada 8 Ogos lalu.

Najib kini berada dalam jaminan sedang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung penyelewengan dana syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah RM2.3 juta.